

13 NOV 1997

MB-Bantahan

MENTERI BESAR, KETUA MENTERI KUTUK TINDAKAN ANGGOTA KONGRES AS

KUALA LUMPUR, 13 Nov (Bernama) -- Semua menteri besar dan ketua menteri hari ini menyertai bantahan terhadap tindakan 27 anggota Kongres Amerika Syarikat mendukung usul resolusi yang bernada keras terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil mengutuk sekeras-kerasnya campurtangan anggota kongres berkenaan terhadap urusan dalam negara Malaysia, mereka berikrar menyokong sepenuhnya segala tindakan Perdana Menteri dalam satu resolusi yang diputuskan bersama oleh para menteri besar dan ketua menteri itu pagi ini.

Kesemua 13 menteri besar dan ketua menteri itu berada di ibu negara kerana mengiringi Sultan atau wakilnya dan Yang Dipertua Negeri masing-masing ke mesyuarat Majlis Raja-raja di Istana Negara.

Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad membacakan resolusi itu yang bertulis tangan pada persidangan berita di pejabat Yayasan Pembangunan Iktisad Islam Malaysia di Menara Promet di sini.

Semua menteri besar termasuk Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dari Kelantan, satu-satunya negeri yang tidak dikuasai Barisan Nasional, menandatangani resolusi itu yang diserahkan kepada Dr Mahathir.

Usul yang dipertikaikan itu diperkenalkan oleh Robert Wexler, anggota Demokrat dari Florida, yang mendesak Dr Mahathir meminta maaf atau meletak jawatan kerana kenyataannya yang disifatkan sebagai anti-Amerika dan anti-Yahudi oleh anggota kongres itu.

Selain Wan Mokhtar, Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Isa Abdul Samad dan Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Koh Tsu Koon hadir pada persidangan berita itu.

Dalam resolusi mereka, para menteri besar dan ketua menteri menyatakan mereka akan menyokong tindakan dalam menangani segala cabaran ekonomi serta memerangi segala serangan terhadap maruah dan ekonomi negara.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata beliau akan membentangkan usul menyokong kepemimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dalam sidang tergepar Dewan Rakyat.

Pagi ini, Pemuda Barisan Nasional menyerahkan nota bantahan kepada Kedutaan Amerika Syarikat di sini terhadap draf resolusi itu.

-- BERNAMA

AZZ NMO RON